

TRAGEDY BUKTI JENALIK

Isi Kandungan

- ③ Apa Itu A-Maunah
- ⑤ Ketua Militan Seorang yang bijak
- ⑦ Bukit Jenalik dikepung

Apa tujuan Al-Maunah?

Al-Maunah merupakan sebuah organisasi pengganas militan yang bertapak di Malaysia dan dikenali dengan kisahnya yang melakukan pencerobohan nekad ke atas sebuah kem Rejimen Askar Wataniah. Pada 2 Julai 2000, kumpulan ini telah berjaya melarikan sejumlah besar senjata api daripada stor menyimpan senjata dan berjaya memperdaya pegawai kem tersebut. Mereka juga telah membawa kesemua senjata yang dicuri itu ke sebuah pangkalan rahsia di kawasan hutan berhampiran perkampungan di Bukit Jenalik, Sauk, Perak.

Apa tujuan Al-Maunah?

Di samping itu, Al-Maunah turut dikenali sebagai Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Maunah. Ia juga merupakan pertubuhan yang terlibat dalam ilmu persilatan dan mereka menggunakan tenaga dalaman untuk mempelajari ilmu rawatan tradisional. Pertubuhan ini dipercayai berpusat di Malaysia, Singapura, Brunei, Mesir dan Arab Saudi. Seramai 1000 ahli dipercayai menyertai pertubuhan ini.

Ketua Militan Seorang Yang Bijak

Seramai 29 orang dipercayai terlibat dalam misi menggulingkan kerajaan Malaysia dan kesemua mereka dipimpin oleh Mohamed Amin Bin Mohamed Razali. Amin merupakan seorang yang bijak dan pandai menakutkan ahli kumpulannya untuk menyertai misi tersebut. Dia juga mampu membuatkan pengikutnya menjadi kebal jika diserang.



Ketua Militan Seorang Yang Bijak



Menerusi laporan Malaysiakini, ketua nombor dua Al-Ma'unah iaitu Zahit Muslim pernah memberitahu Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bahawa ketuanya itu mempunyai kelebihan “ilmu silat fizikal-batin” dan kepakaran menyembuh dan menimbulkan penyakit dari jarak jauh. Tambahnya, Amin seorang lelaki yang kuat dan perkasa sehingga tiada siapa boleh mengalahkannya.

Bukit Jenalik dikepung

Peristiwa bersejarah di Bukit Jenalik, kumpulan tersebut telah memakai pakaian lengkap seperti pegawai kanan tentera dan berlagak melakukan pemeriksaan mengejut ketika melakukan pencerobohan ke atas Kem Batalion 304 Rejimen Askar Wataniah di Empangan Temenggor, Gerik, Perak. Kumpulan Al-Maunah ini juga telah membuat perancangan yang rapi ketika melakukan pencerobohan tersebut. Sebanyak 114 senjata api dan 18 ribu peluru telah dilarikan oleh mereka.

Manakala di Bukit Jenalik, mereka telah membina kubu dan melakukan latihan menembak. Bunyi tembakan yang jarang didengar oleh penduduk setempat akhirnya telah menarik perhatian pihak polis untuk melakukan siasatan. Pada masa itu, kumpulan tersebut sudah menyediakan bekalan makanan dan peralatan perlindungan untuk melindungi diri mereka.

Bukit Jenalik dikepung

Susulan daripada itu juga, seramai 300 orang tentera telah dihantar ke kawasan persembunyian kumpulan tersebut bagi mengepung dan menyekat pergerakan mereka. Manakala, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) ditugaskan untuk mengambil alih operasi tersebut dan menyelinap masuk ke kubu kumpulan Al-Maunah. Dua orang anggota polis pada ketika itu iaitu Sarjan Mohd Shah dan Koperal Detektif Sanghadevan dijadikan tebusan kumpulan tersebut. Selain mereka berdua, seorang Anggota Tentera Malaysia (ATM) dan seorang penduduk kampung turut menjadi tebusan.

Semasa kumpulan tersebut mendapat tawanan, mereka telah memberitahu pihak polis bahawa mereka akan menyerang Kuala Lumpur sekiranya tuntutan ke atas Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Dato Seri Dr Mahathir untuk meletakkan jawatan dalam masa 24 jam tidak dipenuhi.

Bukit Jenalik dikepung

Pada 5 Julai 2000, salah seorang anggota kumpulan Al-Maunah iaitu Abu Bakar Ismail telah ditembak oleh pasukan keselamatan. Geram akan kejadian tersebut, Amin dan ahli kumpulannya turut berbalas tembakan. Keesokan harinya, pihak polis telah mengambil beberapa pendekatan untuk menangkap kesemua ahli kumpulan berkenaan. Mereka telah menggunakan teknik psikologi dan beberapa aspek lain seperti keagamaan, emosi dan kekeluargaan untuk memujuk kumpulan berkenaan supaya menyerah diri.

Bukit Jenalik dikepung

Hasil pendekatan tersebut, 11 orang ahli kumpulan Al-Maunah telah menyerah diri. Bercerita mengenai Amin pula, dia sempat melepaskan beberapa tembakan terhadap Leftenan Jeneral Zaini sebelum berjaya ditumpaskan. Penangkapan Amin itu sekali gus menamatkan operasi pihak polis dan anggota tentera di Bukit Jenalik. Kesemua mereka dikenakan hukuman penjara seumur hidup.

Sumber

<https://ohbulan.com/kuat-perkasa-sehingga-tiada-siapa-boleh-kalahkan-ini-kisah-kumpulan-al-maunah-20-tahun-lalu/>

Terima Kasih